



25 FEB, 2023

## FAMA usaha pastikan harumanis tak naik harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 3

**PERLIS**



Harga harumanis  
tak naik walaupun  
hasil dijangka kurang  
20 peratus **24**



25 FEB, 2023

## FAMA usaha pastikan harumanis tak naik harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Pengeluaran buah pada tahun ini dijangka berkurang 20 peratus

KANGAR

**L**embaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri Perlis akan cuba memastikan harga harumanis tidak meningkat atau lebih rendah berbanding musim lepas.

Pengarahnya, Mohd Sharizan Mansor berkata, musim harumanis pada tahun ini dijangka lebih panjang berbanding sebelum ini iaitu bermula dari April hingga Jun.

"Bagi memastikan pengguna tidak terbeban dengan pengusaha tidak rugi, FAMA akan memastikan harga harumanis tidak meningkat terlalu tinggi."

"Setakat ini, kita dengan kerajaan negeri dan pihak-pihak terlibat seperti Jabatan Pertanian dan pengusaha sendiri belum membuat penyelarasan harga harumanis."

"Tetapi, FAMA nak juga kepada pentingnya pengeluaran dan pengguna jadi kita akan pastikan harga tidak meningkat atau lebih rendah."

"Walaupun kita faham kos input pertanian meningkat tapi

kita ambil situasi pendapatan pengguna untuk penetapan harga tersebut," katanya ketika ditemui sempena Program Jualan Terus Dari Ladang di pekarangan pejabat FAMA Perlis di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, daripada pemantauan FAMA menerusi perjumpaan dengan pengusaha harumanis, pengeluaran buah pada tahun ini dijangka berkurangan sekitar 20 peratus, namun masih terlalu awal untuk membuat jangkaan tepat kerana ada pokok yang dalam peringkat mengeluarkan buah kedua.

Dalam pada itu, Mohd Sharizan berkata, pihaknya menyasarkan untuk memasarkan 10 tan metrik harumanis pada tahun ini.

Katanya, bagaimanapun jumlah tersebut bergantung kepada kapasiti pengeluaran buah pada tahun ini yang dijangka berkurangan berbanding pada tahun lepas susulan faktor cuaca yang tidak menentu.

"Setiap tahun kita (FAMA)



Musim harumanis pada tahun ini dijangka lebih panjang bermula April hingga Jun.

mendapat permintaan yang tinggi khususnya daripada syarikat swasta, namun jumlah permintaan melebihi pengeluaran.

"Pada tahun lepas FAMA telah memasarkan sebanyak tujuh tan metrik harumanis sahaja berbanding 50 tan metrik pada

2021," jelasnya.

Ujarnya, pihak FAMA akan mengadakan perbincangan dengan syarikat kurier menjelang musim harumanis bagi menambah baik sistem penghantaran hingga ke pintu rumah pelanggan.

"Kita akan berusaha untuk pastikan bahawa penghantaran

harumanis dapat dipercepatkan agar buah tidak rosak atau masak ranum bila sampai kepada pengguna," katanya.

Kerajaan Perlis sebelum ini menyasarkan pengeluaran sebanyak 3,600 tan metrik harumanis tahun ini dengan nilai dianggarkan sekitar RM72 juta. - Bernama



25 FEB, 2023

## FAMA usaha pastikan harumanis tak naik harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 3 of 3

### SUMMARIES

Harga harumanis tak naik walaupun hasil dijangka kurang 20 peratus 24

KANGAR Pengeluaran buah pada tahun ini dijangka berkurang 20 peratusLembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri Perlis akan cuba memastikan harga harumanis tidak meningkat atau lebih rendah berbanding musim lepas.Pengarahnya, Mohd Sharizan Mansor berkata, musim harumanis pada tahun ini dijangka lebih panjang berbanding sebelum ini iaitu bermula dari April hingga Jun.